KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	17.02.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JMG			

Tasik Kenyir bakal dijenamakan sebagai Taman Geo



TASIK Kenyir di Hulu Terengganu akan dijadikan Taman Geo akhir tahun ini.

KUALA TERENGGANU – Tasik Kenyir yang merupakan antara tarikan pelancongan terkenal di Hulu Terengganu akan dijenamakan sebagai Taman Geo menjelang akhir tahun ini.

Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu, Tun Ahmad Faisal Tun Abdul Razak berkata, penjenamaan Tasik Kenyir sebagai Taman Geo bertujuan bagi meningkatkan lagi nilai pelancongan dan ekonomi tasik buatan terbesar di Asia Tenggara berkenaan.

"Taman Geo Tasik Kenyir bakal menjadi aset penting buat Terengganu dalam meningkatkan sektor pelancongan tanpa mengabaikan kelestarian alam semula jadi.

"Kertas cadangan taman geo ini akan diserahkan kepada Jawatankuasa Geopark Kebangsaan (JGK) pada masa terdekat dan kita optimis ia boleh direalisasikan pada akhir tahun ini," katanya.

Terdahulu beliau ditemui selepas menghadiri Bengkel Pemurnian Dossier Geopark Tasik Kenyir di sini semalam.

Tun Ahmad Faisal berkata, Pejabat Daerah Hulu Terengganu (PDHT) telah dipilih untuk mengetuai perancangan Taman Geo Tasik Kenyir itu dengan UPEN Terengganu berfungsi sebagai penyelaras.

Tambah beliau, kertas cadangan taman geo tersebut menerima cambahan idea daripada pelbagai pemegang taruh terlibat termasuk Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu, Jabatan Mineral dan Geosains Terengganu dan Universiti Malaysia Terengganu.

"Sebenarnya cadangan untuk menjenamakan Tasik Kenyir sebagai Taman Geo ini telah timbul sejak tahun 2015, namun ia hanya direalisasikan tahun ini dengan persetujuaan kerajaan negeri Terengganu.

"Penjenamaan semula sebagai Taman Geo tersebut dijamin tidak akan menjejaskan pemain industri sedia ada seperti pengusaha rumah bot, bot laju, rumah rakit dan kedai bebas cukai," katanya lagi.